

BERITA BUKIT AMAN

Berintegriti Beretika Amanah

Bil. 2/2011

www.rmp.gov.my

ISSN 1394 - 8687



BOS

BLUE OCEAN STRATEGY



TUANKU MIZAN ANUGERAH PINGAT KEPADA 256 WARGA PDRM

Oleh : Kpl. Noorlidia Mamun

Kuala Lumpur, 19 Mei 2011 – **Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Wathiqu Billah Tuanku Mizan Zainal Abidin Ibni Al-Marhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah, berkenan menganugerahkan pingat kepada 256 pegawai dan anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM). Istiadat Penganugerahan Darjah Kehpahlawanan Pasukan Polis Dan Pingat Keberanian Polis itu diadakan sempena Sambutan Peringatan Hari Polis Ke-204. Istiadat berlangsung di Balairong Seri, Istana Negara, Kuala Lumpur.**

Darjah Panglima Gagah Pasukan Polis (PGPP), dianugerahkan kepada Komisioner Polis Datuk Noor Rashid Ibrahim, Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) dan Komisioner Polis Dato' Robiah Abdul Ghani, Pengarah Pengurusan PDRM.

Seramai 27 pegawai dianugerahkan Darjah Panglima Setia Pasukan Polis

(PSPP). Di antara penerimanya ialah SAC Datuk Mazlan Mansor, SAC Dato' Azman Yusof, SAC Dato' Yong Lei Choo, ACP Adzman Mohd Jan, ACP Lim Leong Hock, ACP Rasdi Ramli, ACP Datin Laila Ali, ACP Mohd Azli Abdullah dan ACP Raja Shahrom Raja Abdullah.

Darjah Pahlawan Pasukan Polis (PPP) pula dianugerahkan kepada 60 pegawai, antaranya Supt. Baharom Abu, Supt. Paul Khieu Khon Chiang, DSP Hajah Noraini Haji Othman, DSP Muniandy Ramasamy, ASP Che Azmi Bidin, ASP Selamat Sainayune, ASP Turiman Ahmad Tabon, ASP Napri Sahlan dan ASP Shahrudin Yunus.

Manakala 10 pegawai lagi dianugerahkan Darjah Kesatria Pasukan Polis (KPP), antaranya C/Insp. Meerah Batcha, C/Insp. Wellington Sabang Jail, Insp. Hamsani Abu Hassan dan Insp. Udiasoorian Samireddy.

Darjah Bentara Pasukan Polis (BPP), dianugerahkan kepada 157 Anggota Pangkat Rendah. Di antara penerimanya ialah Sub

Insp. Rusnah Md. Isa, Sub Insp. Jaafar Nordin, Sub Insp. Bustami Wahab dan Sub Insp. Mohd Isa Simbok.

Seterusnya, SM/D Liew Pong Lan, SM Salim Bah Chi, SM Kumar Mohan, Sjn/D Ahmad Tamizi Mat Lazim, Sjn. Erip Larong, Sjn. Mohd Turi Mohd She, Sjn. Sharudin Mohd Isa dan Sjn. Yok Kasan Yok Keh.

Diikuti Kpl/D Sidin Marthotikromo, Kpl. Singaram Karupiah, L/Kpl. Sorudin Nan, L/Kpl. Hun Ak Siong dan L/Kpl. Ahmad Ab. Ghani.

Turut hadir di istiadat yang bersejarah itu ialah, Inspektor Jeneral Tan Sri Haji Ismail Haji Omar, Ketua Polis Negara, Datuk Wira Abu Seman Yusop, Timbalan Menteri Dalam Negeri, CP Dato' Pahlawan Zulkifli Abdullah, Pengarah Jabatan Logistik dan DCP Dato' Haji Ghazali Haji Md. Amin, Setiausaha Polis Malaysia (SUPM).





Dari Meja Editor

Pendekatan Strategi Lautan Biru (SLB) atau lebih dikenali sebagai Blue Ocean Strategy (BOS), seharusnya dilihat daripada dua aspek, iaitu mencari rumusan kreatif dan tidak lagi berfikir secara konvensional bagi menyelesaikan masalah dalam Polis Diraja Malaysia.

Sebelum melangkah lebih jauh, tahukah anda, apakah itu SLB? Bagaimana SLB boleh memanfaatkan sebuah organisasi seperti PDRM?

SLB diperkenalkan oleh W.Chan Kim and Rene Mauborgne dari Institut Strategi Lautan Biru melalui karya bertajuk; Blue Ocean Strategy. Lautan merujuk kepada pasaran ataupun industri. Lautan Biru pula adalah satu analogi yang menggambarkan potensi ruang pasaran yang begitu besar yang belum diterokai. Manakala strategi lautan biru pula merupakan satu pendekatan yang sistematik untuk mencipta ruang pasaran yang tidak perlu bersaing sebaliknya menjadikan pesaing tidak relevan.

Dalam konteks lautan biru ini, PDRM merupakan satu industri badan penguatkuasa yang terunggul di bawah Kementerian Dalam Negeri yang berpotensi mengadaptasikan peluang-peluang yang terdapat dalam Kementerian lain dan juga Badan-Badan Bukan Kerajaan yang wujud di negara ini. Kolaborasi di antara PDRM-ATM merupakan satu daripada saranan kerajaan di bawah kepimpinan YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak supaya pemikiran berasaskan SLB diterapkan dengan lebih meluas di kalangan agensi-agensi kerajaan bagi mencapai objektif di dalam Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA). PDRM telah mengaplikasikan pendekatan tersebut dengan mengadakan kerjasama dengan ATM berdasarkan strategi-strategi seperti berikut;

- mengadakan program latihan asas anggota polis menggunakan kemudahan tentera.
- melaksanakan tugas kawalan dan rondaan polis bersama anggota tentera.
- pelantikan bekas anggota tentera untuk berkhidmat dalam PDRM.

Pada ketika ini kerjasama di antara PDRM dan ATM telahpun mula terjalin dengan dua pusat latihan/kem tentera iaitu Pusat Latihan Asas Tentera Darat (PUSASDA) di Port Dickson, Negeri Sembilan dan KD Sultan Ismail Pangkalan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) di Tanjung Pengelih, Johor yang telah dijadikan sebagai pusat melatih para rekrut baru PDRM. Begitu juga dengan kerjasama dalam kawalan sempadan negara yang jika dahulunya dikawal selia oleh Pasukan Gerakan Am (PGA) tapi kini telah pun diambil alih oleh Rejimen Sempadan Tentera Darat.

Kerjasama ini telah berjaya membentuk satu pakatan yang memecah tembok tradisional dan konvensional selama ini serta merupakan satu kejayaan aplikasi penyelesaian kreatif yang bijaksana dan menguntungkan PDRM secara am.

DSP Venugopal Navaretnam



PENASIHAT

ACP Ramli Mohamed Yoosuf

KETUA EDITOR

Supt. Norisah Ab Hamid

EDITOR

DSP Venugopal Navaretnam

PENOLONG EDITOR

ASP Mohd Fadzil Ismail
C/Insp. Mohd Zaki Abu Bakar
Insp. Haslina Muhamad Nor

STAF PENULIS / JURUFOTO

SM. Megat Nizar Megat Uda Abdullah
Kpl. Mohamad Wahid Mat Din
Kpl. Noorlidia Mamun
L/Kpl. Aslam Syir Khan
L/Kpl. Fansus Jangor
L/Kpl. Sufian Arshad

PEREKA GRAFIK

Sjn. Zakaria Muhamad (kia)

PENTADBIRAN / PENGEDARAN

Shimatul Aida Maamor

KEWANGAN

DSP Shahrin Ali
Encik Baharudin Baba

ALAMAT SURAT MENYURAT

Unit Penerbitan
Urus Setia KPN (Perhubungan Awam)
Polis Diraja Malaysia
Bukit Aman
50560 Kuala Lumpur

Tel.: 03-2266 8325/8329

Faks: 03-2266 8330

DICETAK OLEH:

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD



PAT temui KPN



Oleh : SM Megat Nizar

Kuala Lumpur, 20 Jun 2011 – Jeneral Tan Sri Dato' Sri Zulkifeli Mohd Zin, Panglima Angkatan Tentera (PAT) Malaysia telah mengadakan Kunjung Hormat ke atas Inspektor Jeneral Tan Sri Haji Ismail Haji Omar, Ketua Polis Negara.

Pertemuan di antara kedua-dua pemimpin itu merupakan yang pertama

setelah Jeneral Tan Sri Dato' Sri Zulkifeli dilantik sebagai Panglima Angkatan Tentera Malaysia, pada 16 Jun 2011, menggantikan Jeneral Tan Sri Dato' Sri Azizan Arifin yang menjalani persaraan wajib.

Turut sama pada Kunjung Hormat itu ialah Dato' Zulkifli Zainal Abidin, Panglima Tentera Darat (PAD) Malaysia.

Jeneral Tan Sri Dato' Sri Zulkifeli

Mohd Zin, berasal dari Pasir Mas, Kelantan merupakan Panglima Angkatan Tentera Malaysia yang Ke-18.

Melalui pertemuan kedua-dua pemimpin itu, akan memantapkan lagi kolaborasi yang telah sedia terjalin dalam memastikan ketenteraman awam dan keamanan negara terus terjamin.



Lawatan Commissioner Tsang Wai Hung ke Bukit Aman

Oleh : L/Kpl. Aslam Syir Khan

Bukit Aman, 9 Jun 2011 - Delegasi Polis Hong Kong, diketuai oleh Commissioner Tsang Wai Hung, Commissioner of Hong Kong Police telah mengadakan lawatan ke Ibu Pejabat Polis Bukit Aman.

Turut mengiringi beliau ialah Chief Supt. Samson Yu, Crime Investigation Department, Supt. Steve Li, Liaison Bureau dan Chief Insp. Kenneth Kwok, ADC to Commissioner.

Bertempat di Tai Zi Heei, Hotel Prince, Kuala Lumpur, delegasi Polis Hong Kong telah diraikan oleh Inspektor Jeneral Tan Sri Haji Ismail Haji Omar, Ketua Polis Negara di majlis jamuan makan malam. Turut hadir ialah Deputy Inspektor Jeneral Dato' Sri Khalid Abu Bakar, Timbalan Ketua Polis Negara.

Sebelum berlepas pulang dengan menaiki pesawat MH 788 ke Bangkok, Commissioner Tsang Wai Hung, Commissioner of Hong Kong Police telah mengadakan 'Kunjungan Hormat' kepada Inspektor Jeneral Tan Sri Haji Ismail Haji Omar, Ketua Polis Negara di Bilik Tetamu, Tingkat 31, Menara 1, Bukit Aman. Hadir sama ialah Pengarah-Pengarah Jabatan Polis Diraja Malaysia dan Pegawai-Pegawai Kanan Bukit Aman.



Kunjung Hormat Duta Korea Selatan Ke Atas Ketua Polis Negara

Oleh : L/Kpl. Aslam Syir Khan

Bukit Aman, 13 Jun 2011 - Menara 1, Bukit Aman telah dikunjungi oleh dua orang wakil daripada Kedutaan Korea Selatan. H.E Lee Yong Joong, Duta Besar Korea Selatan dan Han Dong Soo, Konsul Kedutaan Korea Selatan disambut mesra oleh Inspektor Jeneral Tan Sri Haji Ismail Haji Omar, Ketua Polis Negara.

Turut hadir dalam pertemuan ini adalah ACP Lim Leong Hock, Pegawai Urus Setia KPN (Pentadbiran I).

Isu-isu yang dibincangkan adalah berkaitan tentang perkembangan keselamatan negara dan sosio-ekonomi di Malaysia. Ketua Polis Negara turut menerima ucapan penghargaan dan terima kasih daripada H.E Lee Yong Joong di atas pengorbanan warga PDRM dalam menjaga keselamatan negara terutama rakyat Korea yang menetap di Malaysia sama ada untuk belajar mahupun bekerja. Beliau turut memuji dan kagum dengan kebudayaan Malaysia yang ramah.





Kunjungan Hormat Timbalan Gabenor Bank Negara Malaysia Ke Bukit Aman

Oleh : L/ Kpl. Fansus Jangor

Bukit Aman, 22 Jun 2011 – Timbalan Gabenor Bank Negara, Y.Bhg Puan Nor Shamsiah telah melakukan Kunjungan Hormat terhadap Inspektor Jeneral Tan Sri Haji Ismail Haji Omar, Ketua Polis Negara di Menara 1, Ibu Pejabat Polis Bukit Aman.

Beliau turut diiringi Y.Bhg Puan Jessica Chew Cheng Lian, Pembantu Gabenor BNM serta Pegawai-Pegawai Kanan BNM dan sesi perbincangan tersebut berlangsung di Bilik Mesyuarat Ketua Polis Negara.

Perbincangan selama satu jam setengah itu difahamkan lebih menjurus kepada kerjasama dan pertukaran pandangan antara pihak PDRM dan BNM.

Turut hadir semasa kunjungan tersebut, SAC Dato' Rodwan Mohd Yusof, Timbalan Pengarah II, Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Bukit Aman dan Pegawai-Pegawai Kanan PDRM.



Lawatan Ketua Pengarah Eksekutif TNB Ke Atas KPN

Oleh : L/Kpl. Aslam Syir Khan

Bukit Aman, 4 Julai 2011 - Dato' Ir. Azman Mohamad, Ketua Pegawai Operasi/Pengarah Eksekutif Tenaga Nasional Berhad mengadakan Kunjungan Hormat ke atas Inspektor Jeneral Tan Sri Haji Ismail Haji Omar, Ketua Polis Negara. Turut hadir En. Haji Hussin Othman, Naib Presiden Pembahagian TNB, Ir. Mustafa Din, Pengurus Besar Kanan TNB (Operasi Wilayah 1), DCP Dato' Haji Ghazali Haji Md. Amin, Setiausaha Polis Malaysia, ACP Lim Leong Hock, Pegawai Urus Setia KPN (Pentadbiran I) dan Pegawai-Pegawai Kanan Polis.

Kunjungan Hormat kepada Ketua Polis Negara membawa kepada isu kecurian dan pencerobohan di pepasangan Tenaga Nasional Berhad. Turut dibincangkan cara-cara untuk mengatasi kes kecurian dan langkah-langkah pencegahan yang disyorkan oleh PDRM.



Kunjung Hormat Pesuruhjaya Tinggi British Ke Atas KPN

Oleh : L/Kpl. Aslam Syir Khan

Bukit Aman, 4 Julai 2011 - Sir H.E. Simon Featherstone, Pesuruhjaya Tinggi British telah mengadakan Kunjungan Hormat ke atas Inspektor Jeneral Tan Sri Haji Ismail Haji Omar, Ketua Polis Negara.

Pertemuan singkat pada petang ini menunjukkan hubungan dua hala yang erat antara PDRM dan duta negara British. Selain daripada itu, kedua tokoh itu turut berkongsi perkembangan politik dan keadaan keselamatan negara.





Kunjungan Hormat Central Intelligence Agencies (CIA) US ke atas KPN



Oleh : L/Kpl. Aslam Syir Khan

Bukit Aman, 7 Julai 2011 - Spencer Lee, Central Intelligence Agencies (CIA) Of United States telah mengadakan Kunjungan Hormat ke atas Inspektor Jeneral Tan Sri Haji Ismail Haji Omar, Ketua Polis Negara.

Tan Sri Rahim temui Tan Sri Haji Ismail

Oleh : SM Megat Nizar



Bukit Aman, 13 Julai 2011 – Mantan Ketua Polis Negara Ke-5, Tan Sri Abdul Rahim Mohd Noor, telah mengadakan Kunjungan Hormat ke atas Inspektor Jeneral Tan Sri Haji Ismail Haji Omar, Ketua Polis Negara.

Pada pertemuan itu, Tan Sri Abdul Rahim, memuji serta merakamkan penghargaan di atas tindakan tegas serta kejayaan Polis Diraja Malaysia (PDRM), menangani Perhimpunan Haram Jalanan pada 9 Julai 2011.

"Tahniah kepada seluruh warga Polis Diraja Malaysia di atas ketegasan dan komitmen jitu yang ditunjukkan. Keamanan negara dan kesejahteraan rakyat mesti diutamakan", ujar Tan Sri Rahim, ketika melakukan Kunjungan Hormat.

Turut serta dalam pertemuan itu ialah Deputy Inspektor Jeneral Dato' Sri Khalid Abu Bakar, Timbalan Ketua Polis Negara, CP Datuk Seri Akhil Bulat, Pengarah Cawangan Khas dan DCP Dato' Haji Ghazali Haji Md. Amin, Setiausaha Polis Malaysia (SUPM).

Tan Sri Abdul Rahim, turut dibawa melawat fasiliti yang disediakan di samping melihat pemandangan indah Bandaraya Kuala Lumpur, dari Tingkat 31, Menara 1 Bukit Aman.

Pembinaan Menara 1 Bukit Aman itu adalah idea Tan Sri Abdul Rahim Mohd Noor, ketika menjawat jawatan sebagai Ketua Polis Negara, mulai 16 Januari 1994 sehingga 8 Januari 1999.

Album Kunjungan Hormat Ke Atas KPN



9 Mei 2011

Inspektor Jeneral Tan Sri Haji Ismail Haji Omar, Ketua Polis Negara menerima Kunjungan Hormat daripada Tumelo Mosume, Deputy Commissioner of Police, Kingdom of Lesotho serta Ntsebe Kokome, High Commissioner, Kingdom of Lesotho.



9 Mei 2011

Pol. Gen. Wichean Potephosree, Commissioner General Royal Thai Police, telah mengadakan Kunjungan Hormat ke atas Inspektor Jeneral Tan Sri Haji Ismail Haji Omar, Ketua Polis Negara.



20 Mei 2011

Delegasi AirAsia telah mengadakan pertemuan dengan Inspektor Jeneral Tan Sri Haji Ismail Haji Omar, Ketua Polis Negara.



26 Mei 2011

Lo Yu Chung, Representative of Taipei, Economic and Cultural Office in Malaysia, menandatangani Buku Pelawat ketika melakukan Kunjungan Hormat ke atas Inspektor Jeneral Tan Sri Haji Ismail Haji Omar, Ketua Polis Negara.



24 Jun 2011

Presiden Majlis Peguam Malaysia (MPM), Lim Chee Wee, bersama Christopher Leong Sau Foo, Timbalan Presiden MPM dan Tony Woon Yeow Thong, Setiausaha MPM, telah melakukan Kunjungan Hormat ke atas Inspektor Jeneral Tan Sri Haji Ismail Haji Omar, Ketua Polis Negara.



256 terima Pingat dari Agong

Oleh : SM Megat Nizar

Kuala Lumpur, 10 Mei 2011 – Seramai 256 Pegawai dan Anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM), termasuk 4 pegawai tertinggi Royal Thai Police, dianugerah Darjah Kepahlawanan Pasukan Polis Siri 1/2011.

Istiadat penganugerahan disempurnakan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Wathiqu Billah Tuanku Mizan Zainal Abidin Ibni Al-Marhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah, di Balai Rong Seri, Istana Negara, Kuala Lumpur.

Turut berangkat di istiadat itu ialah Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Tuanku Nur Zahirah.

Deputi Inspektor Jeneral Dato' Sri Khalid Abu Bakar, Timbalan Ketua Polis Negara, mendahului senarai dengan dianugerahkan Darjah Panglima Gagah Pasukan Polis (PGPP) diikuti CP Dato' Wira Syed Ismail Syed Azizan, Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersil (JSJK).

Turut dianugerahkan PGPP (Kehormat) ialah empat pegawai tertinggi Royal Thai Police iaitu Pol. Gen. Wichan Potephosree, Commissioner General of Royal Thai Police, Pol. Gen. Abdul Sangsingkaew, Deputy Commissioner General of Royal Thai Police, Pol. Lt. Gen. Atitep Panjamonond, Commissioner of Narcotics Suppression Bureau dan Pol. Lt. Gen. Tritot Ronnaritvichai, Commissioner of Special Branch of Royal Thai Police.

Di antara penerima Darjah Panglima Setia Pasukan Polis (PSP) ialah DCP Dato' Acryl Sani Haji Abdullah Sani, SAC Dato' Ramli Hassan, ACP Amiruddin Jamaluddin, ACP Noraishah Zainuddin, ACP Mok Kai Mung, ACP Mohan Singh Tara Singh dan ACP Zainal Abu.

Manakala penerima Darjah Pahlawan Pasukan Polis (PPP), terdiri daripada Supt. Salasiah Adnan, Supt. Lee Choon Guan,

Supt. Tengku Mohd Zailan Tengku Ahmad Shah, Supt. Mohamed Ali Jamaluddin, DSP Lim Ah Bah, DSP Ismail Haji Abu, ASP Mohd Fauzi Haji Md. Shariff dan ASP Rukumar Ragawan.

Seterusnya di antara penerima Darjah Kesatria Pasukan Polis (KPP), ialah P/ASP Anuar Othman, C/Insp. Balachandran Palaniandy dan C/Insp. Haji Ghazali Yunos.

Penerima Darjah Bentara Pasukan Polis (BPP), antaranya Sub Insp. Saadon Safi, SM Vassu Kiddo, Sjn. Mapang Medup, Sjn. Sharipah Halishah Syed Baharom, Kpl. Thomas Laga Jimbat, Kpl. Tiau Ling Hong, L/Kpl. Awang Suhaimi Awang Jali dan L/Kpl. Jamarudin Haji Ali.

Turut hadir menyaksikan istiadat yang bersejarah itu ialah Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein, Menteri Dalam Negeri bersama isteri Datin Seri Tengku Marsillah Tengku Abdullah dan Inspektor Jeneral Tan Sri Haji Ismail Haji Omar, Ketua Polis Negara serta isteri Puan Sri Hajah Suriati Haji Md. Sobri.

Hadir sama Dato' Lee Chee Leong, Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Sri Mahmood Adam, Ketua Setiausaha (KSU), Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan DCP Dato' Haji Ghazali Haji Md. Amin, Setiausaha Polis Malaysia (SUPM).





Upacara Pemakaian Pangkat Komander Briged Tengah PGA

Oleh : L/Kpl. Fansus Jangor

Kuala Lumpur, 10 Mei 2011 - Briged Tengah, Pasukan Gerakan Am, Cheras, Kuala Lumpur telah mencatat lipatan sejarah baru dengan perlantikan dan seterusnya Majlis Pemakaian Pangkat Komander Briged Tengah yang baru SAC Mohd Rodzi Ismail.

Majlis Pemakaian Pangkat ini dihadiri oleh DCP Dato' Salleh Mat Rasid, Timbalan Pengarah (Pasukan Gerakan Am/ Sempadan/Lapangan Terbang Antarabangsa), SAC Dato' Abd Aziz Yusof, Ketua Trafik Pasukan, Supt. Mohd Munir Mohd Hashim, Penolong Pengarah Gerakan (Rakan Cop/CCTV), Supt. Mohd Hedzir Hussin, Pegawai Pemerintah Batalion 5 PGA, Supt. Hapka Mohd Said, Pegawai Pemerintah Batalion Khas KLIA, Supt. Saiful Annuar Yusoff, Pegawai Pemerintah Batalion 4 PGA, Supt. Amir Hassan Bistamam, Pegawai Pemerintah Batalion 19 PGA, Supt. Syed A. Bakar A. Majid, Pegawai Pemerintah Batalion 6 PGA dan Anggota-Anggota PGA Briged Tengah.

Majlis diakhiri dengan pemberian Hormat Panglima oleh Anggota-Anggota PGA Briged Tengah, Cheras dan sesi bergambar di perkarangan Ibu Pejabat Briged Tengah PGA, Cheras.



KPN rakam penghargaan kepada PM

Oleh : SM Megat Nizar

Bukit Aman, 1 Jun 2011 – Inspektor Jeneral Tan Sri Haji Ismail Haji Omar, Ketua Polis Negara, merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Dato' Sri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia, di atas pengurniaan Anugerah Inovasi Perdana Menteri 2010 kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Turut memenangi anugerah terunggul dan berprestij itu adalah Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Menurut Tan Sri Haji Ismail, anugerah itu merupakan pemangkin kepada kerjasama lebih erat antara PDRM dan ATM, sekali gus diharap ia diperluaskan ke arah pencapaian prestasi yang lebih cemerlang.

Pemilihan pemenang anugerah tersebut diketuai oleh Tan Sri Mohd Sidek Hassan, Ketua Setiausaha Negara, serta ahli jawatankuasa khas yang dipilih.

Pemilihan PDRM dan ATM berdasarkan inisiatif kerjasama sektor keselamatan negara terbabit terutamanya dalam empat bidang tugas. Antara bidang tugas tersebut adalah rondaan bersama mencegah jenayah, program latihan anggota polis di pusat latihan angkatan tentera, pengambilan bekas-bekas anggota tentera ke dalam pasukan polis dan rondaan keselamatan di sempadan negara di darat dan pesisir pantai.



Ketua Polis Thailand bergelar Tan Sri

Oleh : SM Megat Nizar



Kuala Lumpur, 30 Jun 2011 – Seramai 243 menerima anugerah di Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang-Bintang Dan Pingat Persekutuan sempena sambutan Hari Keputeraan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 4 Jun 2011 lalu.

Istiadat penganugerahan disempurnakan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Wathiqu Billah Tuanku Mizan Zainal Abidin Ibni Al-Marhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah, di Balai Rong Seri, Istana Negara, Kuala Lumpur.

Pada istiadat itu, Pol. Gen. Wichan Potephosree, Commissioner General of Royal Thai Police, dikurniakan Darjah Panglima Setia Mahkota (Kehormat) yang membawa gelaran Tan Sri.

Pol. Lt. Gen. Tritot Ronnaritvichai, Commissioner of Special Branch of Royal Thai Police, pula dianugerahkan Darjah Panglima Jasa Negara (Kehormat) dengan membawa gelaran Datuk.

Turut menerima anugerah ialah Tan Sri Hussin Haji Ismail (mantan Timbalan Ketua Polis Negara), CP Dato' Robiah Abdul Ghani, Pengarah Pengurusan PDRM dan SAC Dato' Haji Badaruddin Mohd Isa, Ketua Bahagian Siasatan Pengubahan Wang Haram Pasukan Petugas Khas (Operasi/Counter Terrorism), Bukit Aman.

Inspektor Jeneral Tan Sri Haji Ismail Haji Omar, Ketua Polis Negara, turut hadir menyaksikan istiadat yang bersejarah itu.



PERTANDINGAN KEMAHIRAN MALAYSIA KE-20 ANJURAN JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN, KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

SAC Raja Musa Raja Razak, Komandan Maktab Teknik Polis Diraja Malaysia (MTPDRM), Bakri, Muar, Johor, mengetuai 'Team PDRM', telah berjaya memenangi **Pertandingan Kemahiran Malaysia Peringkat Kebangsaan anjuran Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia yang telah diadakan di perkarangan Stadium Alor Setar, Kedah Darul Aman.**

Pertandingan bermula dari 14 - 17 April 2011. Dua kategori pertandingan kemahiran dipertandingkan iaitu kategori Terbuka Proton dan MySkill.

Dalam pertandingan kategori Terbuka Proton, penyertaan secara berkumpulan seramai 4 orang, termasuk seorang peserta simpanan dari setiap pasukan. Mereka akan dinilai dari segi pengetahuan teori, kemahiran bekerja, kelancaran tugas, ciri-ciri keselamatan dan sikap kerjasama berkumpulan serta kepantasan dalam menyelesaikan *task* yang diberi. Sebanyak 16 pasukan daripada pelbagai agensi kerajaan dan swasta dari seluruh negara telah mengambil bahagian.

Pasukan dari MTPDRM di bawah kelolaan DSP Zakaria Ismail bersama 4 orang anggota mekanik PDRM telah mengambil bahagian dan berjaya menduduki tempat yang ke-3 dengan membawa pulang hadiah sebuah

piala, sijil dan wang tunai berjumlah RM500. Hadiah disampaikan oleh Dato' Zainal Rahim Seman, Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia.

Manakala pada pertandingan MySkill peringkat kebangsaan pula, MTPDRM telah diwakili oleh jurulatih Pengajian Kejuruteraan Automobil/Marin, SM Rosly Abd. Ghani. Beliau telah berjaya hingga ke peringkat separuh akhir.

Penilaian dari segi pengetahuan teknikal automotif, kepantasan bekerja, kepakaran menggunakan peralatan dan amalan keselamatan serta pengurusan masa diambil kira. Pertandingan ini juga disertai oleh 52 orang peserta dari pelbagai agensi kerajaan dan swasta.

"Tujuan kami menyertai pertandingan itu adalah untuk turut terlibat dalam satu pertandingan peringkat kebangsaan yang disertai pelbagai institusi latihan kemahiran. Penyertaan dari agensi kerajaan, swasta dan juga individu yang berkemahiran tinggi ini diharapkan dapat memberi pelbagai input yang berguna bagi pihak MTPDRM, khususnya Bahagian

Pengangkutan PDRM bagi mempertingkatkan lagi mutu kemahiran dan pengetahuan di dalam bidang automotif".

"Diharapkan selepas ini lebih ramai lagi anggota PDRM yang berminat menyertai pertandingan seumpama ini di peringkat jabatan atau peringkat kebangsaan demi mencapai matlamat PDRM bagi menyediakan pegawai dan anggota yang terlatih, berdisiplin dan cekap dalam menjalankan tugas selaras dengan saranan dan kehendak pucuk pimpinan pasukan".

Demikian kata SAC Raja Musa Raja Razak, Komandan MTPDRM, Muar, ketika ditemui meraikan para pegawai dan anggota yang telah berjaya membuktikan kebolehan dan kemahiran masing-masing.



MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN SEMUA JABATAN BUKIT AMAN

Oleh : L/Kpl. Aslam Syir Khan

Bukit Aman 22 April 2011- Perhimpunan Bulanan Semua Jabatan Peringkat Bukit Aman anjuran Jabatan Logistik PDRM telah berlangsung di perkarangan Kompleks 3, Bukit Aman. Majlis disempurnakan oleh Inspektor Jeneral Tan Sri Haji Ismail Haji Omar, Ketua Polis Negara.

Turut hadir Deputi Inspektor Jeneral Dato' Sri Khalid Abu Bakar, Timbalan Ketua Polis Negara, DCP Dato' Zubaidah Md. Ismail, Pemangku Pengarah Jabatan Logistik, Pengarah-Pengarah dan Timbalan-Timbalan Pengarah, Pegawai-Pegawai Kanan, Anggota dan Kakitangan Awam.

Sempena Majlis Perhimpunan, seramai tujuh orang pegawai dan lima orang anggota PDRM serta empat orang kakitangan awam telah menerima Surat Penghargaan Ketua Polis Negara. Penyampaian Surat Penghargaan telah disempurnakan oleh Timbalan Ketua Polis Negara.





Pusat Media Kontinjen Sabah Pusat Rujukan

Oleh : L/Kpl. Sherillah Salleh

Kota Kinabalu, 25 April 2011 – Bahagian Hal Ehwal Awam, Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia, Kontinjen Sabah, mengambil langkah bijak dengan mengadakan Bengkel Pengendalian Pusat Media, kepada pegawai dan anggotanya.

Seramai 44 pegawai dan anggota dari Cawangan Hal Ehwal Awam, Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD), seluruh Kontinjen Sabah terlibat pada bengkel tersebut. Turut menyertai bengkel itu ialah Pegawai Perhubungan Media Jabatan PDRM yang dilantik.

“Pusat Media adalah bertujuan untuk memberi kemudahan kepada pengamal media dalam menyampaikan maklumat pasukan yang terkini dengan tepat, lebih *friendly* dan inovatif. Ianya juga sebagai kesinambungan dengan Pusat Media PDRM

di Bukit Aman”.

Demikian kata SAC Noor Azam Jamaludin, Ketua Jabatan Pengurusan, Kontinjen Sabah, di majlis perasmian bengkel yang diadakan di Mes Pegawai Kanan, Ibu Pejabat Polis Kontinjen, Kepyauw, Kota Kinabalu, Sabah.

Taklimat disampaikan oleh ACP Ramli Mohamed Yoosuf, Penolong Ketua Urus Setia KPN (Perhubungan Awam), Bukit Aman dan SM Megat Nizar dari Pusat Media PDRM, Bukit Aman.

Tambah SAC Noor Azam, “adalah diharapkan dengan wujudnya Pusat Media Kontinjen Sabah ini, kerjasama erat di antara pengamal media, masyarakat dan polis akan lebih terjamin dan erat lagi”.

“Sekali gus membentuk satu sinergi, satu kekuatan untuk membentuk satu semangat dalam memastikan negara ini dalam keadaan

yang aman damai dan orang ramai sentiasa sejahtera, tanpa rasa takut dalam menjalankan aktiviti seharian”, ujar SAC Noor Azam dengan harapan para peserta bengkel akan dapat menggunakan ilmu yang diperolehi melalui taklimat yang disampaikan untuk kebaikan pasukan dan negara.

Terdahulu, ACP Ramli Mohamed Yoosuf dengan diiringi SAC Noor Azam dan ASP Mohd Zaki Harry Susanto, Pegawai Turus Hal Ehwal Awam Kontinjen, telah mengadakan Kunjung Hormat ke atas DCP Dato’ Hamza Taib, Pesuruhjaya Polis Sabah.



Amalkan nilai profesional

- Dato’ Sri Khalid

Oleh : SM Megat Nizar



Kota Kinabalu, 5 Mei 2011 – “Semua Pegawai Awam yang berkhidmat dengan Polis Diraja Malaysia hendaklah menghayati dan mengamati nilai sebenar profesional ketika bekerja yang sememangnya menjadi teras dalam perkhidmatan pasukan polis”.

“Amalan profesional ketika melaksanakan tugas yang diamanahkan amatlah penting bagi menentukan pelaksanaan tugas berjaya dilaksanakan seperti yang dikehendaki”.

Demikian kata Deputy Inspektor Jeneral Dato’ Sri Khalid Abu Bakar, Timbalan Ketua Polis Negara, ketika berucap di Majlis Perhimpunan Khas Pegawai Awam (PAKSU) Polis Diraja Malaysia (PDRM) sempena Sambutan Peringatan Hari Polis Ke-204 Tahun 2011, di Auditorium Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Sabah, Kota Kinabalu, Sabah.

Dato’ Sri Khalid juga melahirkan rasa bangganya di atas peranan yang dimainkan oleh PAKSU, terutamanya dalam peranan mengeratkan hubungan di antara warga PDRM dan Pegawai Awam.

“Saya bangga apabila melihat hubungan di antara warga PDRM dan Pegawai Awam yang berkhidmat dalam PDRM sentiasa bekerjasama dalam memastikan Misi dan Visi pasukan tercapai. Tema perhimpunan ‘Setia Bersama PDRM’ amat bertepatan dan haruslah diamalkan demi kemajuan dan kebaikan bersama”, ujar Dato’ Sri Khalid dengan harapan semua peringkat Pegawai Awam yang berkhidmat dalam PDRM sentiasa taat kepada pucuk pimpinan PDRM dan negara.

Turut hadir di majlis itu ialah Dato’ Mohammad Hatta Ab. Aziz, SUK Negeri Sabah, CP Dato’ Robiah Abdul Ghani, Pengarah Pengurusan PDRM, DCP Dato’ Hamza Taib, Pesuruhjaya Polis Sabah dan Dato’ Omar Osman, Presiden CUEPACS Malaysia.

Pada majlis itu Dato’ Sri Khalid, telah menyampaikan Surat Penghargaan Ketua Polis Negara kepada Pegawai Awam yang telah memberikan perkhidmatan cemerlang.





Konvokesyen Sempena Program Latihan Asas Kepolisan Siri 1/2011

Oleh : L/Kpl. Aslam Syir Khan

Kuala Kubu Bharu, 12 Mei 2011 - Seramai 100 pelatih rekrut Asas Konstabel yang terdiri daripada bekas Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) dan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) telah menerima sijil tamat latihan sempena Majlis Konvokesyen Program Latihan Asas Kepolisan Siri 1/2011 di Maktab PDRM Kuala Kubu Bharu.

Dalam sesi temu bual yang diadakan bersama ACP Mohd Kamal Kordi, Komandan Maktab PDRM Kuala Kubu Bharu, dari segi penyesuaian diri dalam program-program latihan, ternyata pelatih-pelatih ini tiada banyak masalah berdasarkan pengalaman yang mereka peroleh sepanjang tempoh perkhidmatan mereka sebagai anggota tentera.



Perbarisan Tamat Latihan Asas Kepolisan (Bekas Tentera)

Oleh : L/Kpl. Fansus Jangor

Turut hadir, YB Dato' Lee Chee Leong, Timbalan Menteri Dalam Negeri, CP Dato' Robiah Abdul Ghani, Pengarah Pengurusan PDRM, DCP Dato' Mortadza Nazarene, Timbalan Pengarah Pengurusan (Latihan), DCP Dato' Tun Hisan Dato' Haji Tun Hamzah, Ketua Polis Selangor, SAC Dato' Paramasivam Arunasalam, Ketua Penolong Pengarah Pengurusan (Latihan/Peperiksaan), Pegawai-Pegawai Kanan PDRM-ATM dan tetamu-tetamu jemputan.

Kuala Kubu Bharu, 14 Mei 2011- "Saya berkeyakinan bahawa sepanjang tempoh anda menjalani latihan asas di sini, anda semua telah diterapkan dengan nilai dan budaya polis serta telah ditanam semangat kepolisan ke dalam jiwa dan kehidupan harian anda. Justeru, berfikir dan bertindaklah sebagai seorang anggota polis yang berintegriti dan berwibawa untuk menghadapi apa jua situasi yang mendatang," ujar Deputy Inspektor Jeneral Dato' Sri Khalid Abu Bakar, Timbalan Ketua Polis Negara sempena Upacara Tamat Perbarisan Program Latihan Asas Kepolisan Siri 1/2011 di Maktab PDRM Kuala Kubu Bharu.

Upacara ini menyaksikan seramai 100 pelatih rekrut Asas Konstabel yang terdiri daripada bekas Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) dan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) yang telah tamat latihan asas kepolisan selama 4 bulan sejak 17 Januari lalu.

Difahamkan juga, seramai 51 pelatih menamatkan latihan mereka sebagai Konstabel serta 49 pelatih sebagai Konstabel Sokongan dan pelatih-pelatih ini berusia dalam lingkungan umur 28 sehingga 45 tahun, ditambah juga sebahagian daripada mereka telah bersara dari tentera dalam tempoh 6 bulan sehingga 10 tahun.

Pelatih Konstabel Md Daud Mukri adalah Pelatih Terbaik Keseluruhan diikuti Konstabel Sokongan Ros Mohamad Othman, Pelatih Platoon Terbaik.





MPV guna *Inspira*

Oleh : Kpl. Mohamad Wahid Mat Din



Shah Alam, 25 Mei 2011 – Polis Diraja Malaysia (PDRM), akan menggunakan kereta Proton Inspira ketika melakukan rondaan berkereta. Kereta peronda polis atau Mobile Patrol Vehicle (MPV), merupakan unit barisan hadapan pasukan polis.

Proton Holding Berhad telah menyumbang 10 buah kereta Proton Inspira yang telah diubahsuai untuk dijadikan kereta peronda yang canggih serta menepati tuntutan semasa.

“Saya merakamkan ucapan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan di atas sumbangan oleh Proton Holding Berhad. Sesungguhnya kehadiran MPV di setiap lokasi dapat memberikan keyakinan kepada masyarakat bahawa keselamatan mereka sentiasa terjamin”.

“Tindakan pantas anggota MPV menjalankan tugas telah berjaya membanteras dan seterusnya mengurangkan kejadian jenayah. Masyarakat berasa terjamin bahawa keselamatan dan ketenteraman mereka



adalah terkawal”.

Demikian kata Inspektor Jeneral Tan Sri Haji Ismail Haji Omar, Ketua Polis Negara, ketika berucap di majlis tersebut.

Tan Sri Haji Ismail telah menerima 10 buah kereta Proton Inspira 1.8L (manual) yang disampaikan oleh Dato' Sri Haji Syed Zainal Abidin Syed Mohamed Tahir, Pengarah Urusan Kumpulan Proton Holding Berhad di Litar Ujian Proton, Shah Alam, Selangor.

Seminar Pemantapan Pusat Media PDRM

Oleh : Kpl. Rosyatimah Arshad



Melaka Tengah, 20 Mei 2011 – Bagi memantapkan lagi kredibiliti dan integriti sebagai Pegawai Perhubungan Awam dan pengendali Pusat Media yang lebih profesional, Urus Setia KPN (Perhubungan Awam), Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia, Bukit Aman, telah menganjurkan satu seminar iaitu Seminar Pemantapan Pusat Media Polis Diraja Malaysia (PDRM), pada 17 – 20 Mei 2011, di Everly Hotel, Melaka.

Seminar yang dihadiri oleh Pegawai Hal Ehwal Awam, Kontinjen dari seluruh negara itu bertujuan meningkatkan pemahaman peranan Pusat Media dan penggunaan Media Sosial bagi mendekati rakyat di samping meningkatkan kredibiliti komunikasi bagi mengekalkan tahap profesionalisme yang tinggi dan memahami polisi kerahsiaan serta keselamatan sesuatu maklumat pasukan dan negara.

Di antara penceramah yang diundang ialah ACP Ramli

Mohamed Yoosuf, Penolong Ketua Urus Setia KPN (Perhubungan Awam), Supt. Norisah Ab. Hamid, Supt. Perhubungan Awam PDRM, DSP Venugopal Navaretnam, Ketua Unit Penerbitan, Urus Setia KPN (Perhubungan Awam) dan Sharon Wilson dari Universiti Tunku Abdul Rahman.

Majlis penutupan seminar disempurnakan oleh SAC Dato' Chuah Ghee Lye, Ketua Polis Melaka.





“CAT sasar 10,000 ahli tahun ini”

- Dato' Seri Hishammuddin

Oleh : SM Megat Nizar

Putrajaya, 27 Mei 2011 - Crime Awareness Team (CAT) yang asal penubuhannya untuk menggalakkan penglibatan belia dalam aktiviti pencegahan jenayah, telah mensasarkan penyertaan seramai 10,000 ahli serta menganjurkan 1,500 aktiviti pada tahun ini.

“Penubuhan pasukan tersebut yang pada mulanya diperkenalkan di empat negeri ‘HOT SPOT’ jenayah akan diperluaskan ke setiap kawasan Parlimen. Sehingga Mei tahun ini, seramai 3,592 ahli CAT didaftarkan di Selangor, Kuala Lumpur, Johor dan Pulau Pinang dengan pelbagai aktiviti telah dilaksanakan.

“Mereka didedahkan dengan pelbagai pengetahuan tentang cara pencegahan jenayah daripada pihak polis, Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (YPJM) serta Jabatan Pertahanan Awam (JPAM).” Demikian kata Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein, Menteri Dalam Negeri.

Terdahulu Dato' Seri Hishammuddin dan Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek, Menteri Belia dan Sukan, telah menyaksikan majlis menandatangani Watikah Kerjasama Inisiatif CAT oleh Inspektor Jeneral Tan Sri Haji Ismail Haji Omar, Ketua Polis Negara dengan Datuk Mohid Mohamed, Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan, yang bertujuan memantapkan lagi pelaksanaan program itu.

Menurut Dato' Seri Hishammuddin lagi, ahli CAT akan didedahkan dengan pelbagai aktiviti di peringkat komuniti serta berpeluang menyertai kem interaktif kepimpinan sebagai latihan lanjutan.

“Latihan tersebut bertujuan mewujudkan pemimpin CAT di peringkat akar umbi dan ia diharapkan dapat menjadikan golongan belia sebagai mata dan telinga kepada pihak berkuasa”, ujar Dato' Seri Hishammuddin.

Pada majlis itu, turut diadakan sesi pendaftaran kepada golongan belia berusia antara 15 hingga 25 tahun yang ingin menyertai CAT. Selain itu, mereka juga boleh memuat turun borang pendaftaran melalui <http://www.2-u.com.my> dan menghantar ke Bahagian Pembangunan Rakan Muda atau terus menghubungi Jabatan Belia dan Sukan di peringkat daerah atau negeri masing-masing.



Perasmian IPD Dang Wangi

Oleh : L/ Kpl. Fansus Jangor

Kuala Lumpur, 6 Jun 2011 - “Sesungguhnya, pembinaan Ibu Pejabat Polis Daerah yang baru ini, adalah sangat tepat pada masanya dan sangat relevan dengan program transformasi kerajaan,” ujar Inspektor Jeneral Tan Sri Haji Ismail Haji Omar, Ketua Polis Negara dalam ucapannya sempena Upacara Perasmian Ibu Pejabat Polis Daerah Dang Wangi.

Beliau turut menghargai Crime Awareness Team atau (CAT) yang telah dilancarkan oleh Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein,



Menteri Dalam Negeri pada 27 Mei lalu yang juga merupakan sasaran ke arah pencapaian prestasi yang lebih cemerlang untuk diperluaskan kepada lain-lain kementerian, agensi kerajaan dan masyarakat umpamanya, seperti rondaan pencegahan jenayah (Crime Prevention Patrolling) oleh polis, masyarakat terutamanya golongan belia boleh membantu mengenal pasti tempat-tempat terbiar yang dijadikan sarang-sarang penagihan dadah dan tempat kegiatan maksiat, dan lain-lain aktiviti yang boleh membawa kepada perbuatan yang menyalahi undang-undang.

Turut hadir pada majlis tersebut, YB Datuk Wira Abu Seman Yusof, Timbalan Menteri Dalam Negeri, Y.Bhg Dato' Sri Mahmood Adam, Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri, Deputy Inspektor Jeneral Dato' Sri Khalid Abu Bakar, Timbalan Ketua Polis Negara, SAC Dato' Amar Singh Ishar Singh, Pemangku Ketua Polis Kuala Lumpur, Pegawai-Pegawai Kanan PDRM serta tetamu jemputan.



BERIKAN PERKHIDMATAN TERBAIK KEPADA MASYARAKAT

Oleh : SM Megat Nizar

Kuala Lumpur, 15 Jun 2011 – Inspektor Jeneral Tan Sri Haji Ismail Haji Omar, Ketua Polis Negara, meminta semua peringkat pangkat pegawai dan anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM), memberikan perkhidmatan terbaik kepada masyarakat.

Permintaan itu disuarakan oleh Ketua Polis Negara ketika berucap merasmikan Majlis Bersama Pemimpin Sempena Seminar Ketua Polis Daerah Siri 1/2011, di Dewan Sultan Haji Ahmad Shah, Maktab Polis Diraja Malaysia Kuala Lumpur.

Selain Ketua-Ketua Polis Daerah, turut hadir Pengarah-Pengarah Jabatan PDRM, Pesuruhjaya Polis Sabah dan Sarawak serta semua Ketua Polis Negeri dari seluruh negara.

“Tunjukkan bahawa kita adalah pasukan polis yang profesional. Kenal pasti kawasan di daerah masing-masing yang kerap berlaku kejadian jenayah dan segera merancang program yang boleh mengajak masyarakat bersama-sama membantu mencegah jenayah”, ujar Tan Sri Haji Ismail di majlis yang turut dihadiri oleh Deputy Inspektor Jeneral Dato’ Sri Khalid Abu Bakar, Timbalan Ketua Polis Negara.

Menurut Tan Sri Haji Ismail lagi, polis merupakan penguatkuasa utama negara, sememangnya polis amat diperlukan oleh masyarakat untuk membantu menyelesaikan masalah mereka. Untuk mendekati masyarakat, kita hanya perlu, umpamanya hadir bersembahyang berjemaah dengan memakai uniform terutamanya pada setiap

hari Jumaat. Kita hendaklah beramai-ramai hadir menunaikan solat Jumaat bersama-sama masyarakat.

“Tunjukkan kepada mereka bahawa kita ini mesra dan mudah didekati serta komited untuk mewujudkan sebuah negara yang aman serta selamat dari sebarang kejadian jenayah”, ujar Tan Sri Haji Ismail, mengarahkan semua Ketua Polis Negeri dan daerah seluruh negara mengatur program mengimarahkan masjid antara polis dan masyarakat setempat.

Pada majlis itu, Tan Sri Haji Ismail turut meminta supaya aduan yang dibuat oleh masyarakat, hendaklah diambil tindakan segera tanpa mengira kedudukan ataupun keutamaan kes.

“Saya sedar walaupun ada kekangan dalam melaksanakan sesuatu tugas, itu bukanlah penghalang kepada kita untuk berkhidmat. Kita mesti menyokong segala pelan yang dirangka oleh kerajaan kerana akhirnya akan membawa kebaikan kepada kita juga”.

Untuk memastikan integriti warga PDRM sentiasa ditahap yang tertinggi, Tan Sri Haji Ismail mengarahkan agar semua ‘Ketua’ membuat kajian dan pemantauan yang berterusan agar tidak berlaku pelanggaran disiplin di kalangan pegawai dan anggota polis.

“Sebagai badan penguatkuasa utama negara, PDRM perlu menggembeleng tenaga dan usaha bagi memastikan segala perancangan yang diatur oleh kerajaan akan tercapai”, ujar Tan Sri Haji Ismail diakhir majlis itu.





PDRM dan ATM bersatu tangani perhimpunan haram

Oleh : SM Megat Nizar

Sungai Besi, 5 Julai 2011 – Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM), telah mengadakan demonstrasi bersama tangani perhimpunan haram jalanan.

Pasukan Simpanan Persekutuan (FRU) dan Batalion 25 Rejimen Askar Melayu Diraja (RAMD), mempamerkan keupayaan dan kehebatan masing-masing demonstrasi yang julung kali diadakan itu. Demonstrasi berlangsung di Dataran Panglima Tentera Darat, Markas Medan Tentera Darat, Kem Sungai Besi, Kuala Lumpur.

“Demonstrasi tersebut pertama kali dipertontonkan kepada umum dan ianya tiada kaitan langsung dengan Perhimpunan Haram Bersih”.

“Ini merupakan strategi ‘Lautan Biru’ yang dijalankan secara berterusan menerusi Penyelaras Operasi dan Latihan Bersama PDRM/ATM sejak 2008 bagi memantapkan kerjasama dari sudut logistik dan penggunaan tenaga untuk menjaga ketenteraman awam dan negara”.

Demikian kata Dato’ Salleh Mat Rasid, Pengarah Jabatan Ketenteraman Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam (KDNKA) PDRM, yang turut dihadiri Leftenan Jeneral Dato’ Raja Mohamed Affandi Raja Mohamed Noor, Ketua Staf Markas ATM.

Menurut Dato’ Salleh, demonstrasi bersama diadakan atas sebab menghargai Anugerah Inovasi Perdana Menteri 2011 yang PDRM dan ATM terima daripada Dato’ Sri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia baru-baru ini”.

Demonstrasi itu membabitkan kekuatan 120 anggota FRU dan 120 anggota dari Batalion 25 RAMD, mempamerkan kecekapan masing-masing menangani keadaan huru hara yang dilakukan oleh 100 orang perusuh tegar.

Turut mengambil bahagian dipertunjukkan itu ialah Pasukan Unit Udara PDRM dan Pasukan Unit Udara Tentera Darat.



‘CPX’ mantap kolaborasi PDRM-ATM

Oleh : SM Megat Nizar

Kuala Lumpur, 4 Julai 2011 – Inspektor Jeneral Tan Sri Haji Ismail Haji Omar, Ketua Polis Negara dan Jeneral Tan Sri Dato’ Sri Zulkifeli Mohd Zin, Panglima Angkatan Tentera Malaysia, telah melancarkan ‘Command Post Exercise’ (CPX) PDRM - ATM, di Dewan Sultan Hj. Ahmad Shah, Maktab Polis Diraja Malaysia Kuala Lumpur (MPDRM KL), Cheras.

Menurut Tan Sri Haji Ismail, CPX merupakan kolaborasi berterusan yang telah sedia terjalin sebelum ini, seperti tugas rondaan pencegahan jenayah, kawalan sempadan, perairan negara, pulau-pulau, penggunaan pusat latihan dan pelantikan bekas anggota tentera menyertai pasukan polis.

“Melalui program CPX, dapat memberikan pendedahan terhadap peranan, tanggungjawab dan penglibatan kedua-dua pasukan dalam melaksanakan operasi ketenteraman awam. Ia juga dapat mengenal pasti kelemahan dan kekurangan yang wujud di samping membuat penambahbaikan dalam menangani sebarang ancaman”, ujar Tan Sri Haji Ismail.

Tambah Tan Sri Haji Ismail lagi, melalui kerjasama yang terjalin itu, telah dapat menjimatkan wang kerajaan dalam melaksanakan program latihan, di mana pihak PDRM mendapat peluang menggunakan pelbagai fasiliti di pusat-pusat latihan ATM yang sedia ada dalam menjalani latihan bersama.

“Peruntukan yang disediakan oleh kerajaan itu boleh digunakan untuk kebaikan dan kesejahteraan rakyat”, kata Tan Sri Haji Ismail di majlis pelancaran itu.





10

Sekolah Angkat Polis Kuala Lumpur

Oleh : SM Megat Nizar



Kuala Lumpur, 27 April 2011 – Majlis Pelancaran Program Sekolah Angkat Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kontinjen Kuala Lumpur, telah disempurnakan oleh DCP Dato' Pahlawan Zulkifli Abdullah, Ketua Polis Kuala Lumpur. Majlis berlangsung di Sekolah Menengah Raja Abdullah, Taman Batu, Sentul, Kuala Lumpur.

Menurut Dato' Pahlawan Zulkifli, program tersebut bertujuan menjalinkan kerjasama antara pasukan polis dan Jabatan Pelajaran Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur, bagi mendidik dan seterusnya membimbing para pelajar supaya menjadi modal insan yang

bertanggungjawab dan pemimpin masa hadapan negara.

"Program tersebut akan menitik berat tentang pembangunan modal insan dengan merancang secara teliti dan mengambil kaedah secara menyeluruh dan bersepadu ke arah membentuk generasi pelapis yang cemerlang dan bebas daripada jenayah".

"Kepada sekolah-sekolah yang terpilih hendaklah memberikan kerjasama berterusan dengan Ketua Polis Daerah di kawasan masing-masing agar hasrat program ini mencapai matlamatnya".

Demikian kata Dato' Pahlawan Zulkifli, ketika berucap di majlis itu yang turut dihadiri oleh Dato' William WT Lim, Pengerusi MCPF, Kuala Lumpur dan Tajuddin Mohamad Nor, Ketua

Sektor Pengurusan Pembangunan Kemanusiaan mewakili Pengarah Jabatan Pelajaran Wilayah Persekutuan.

Sekolah-sekolah yang terpilih mengikut daerah ialah IPD Dang Wangi, SMK (P) Pudu, dan SMK (L) Methodist, IPD Brickfields, SMK Seri Sentosa dan SMK Taman YARL manakala IPD Cheras terdiri dari SMK Seri Tasik dan SMK Bandar Tasik Selatan.

Diikuti IPD Sentul, SMK Batu Muda dan SMK Raja Abdullah serta IPD Putrajaya ialah SMK Presint 14 (1), Putrajaya.

Menurut Dato' Pahlawan lagi, konsep Mentor – Mente turut diperkenalkan dengan menempatkan seorang Pegawai Perhubungan Sekolah sebagai tambahan bagi memastikan keberkesanan program yang dilancarkan.

Turut hadir SAC Dato' Amar Singh Ishar Singh, Timbalan Ketua Polis Kuala Lumpur dan ACP Zakaria Pagan, Ketua Polis Daerah Sentul, Kuala Lumpur.



"MANTAPKAN PENGURUSAN KOPERASI"

- Tan Sri Haji Ismail

Oleh : SM Megat Nizar

Kuala Lumpur, 22 Jun 2011 – "Beberapa aspek di dalam sistem koperasi perlu berubah untuk berkembang seperti sudut pengurusan, pilihan perniagaan dan kaedah berniaga".

"Kita juga mahu tadbir urus yang baik dijadikan tumpuan kerana ini akan meningkatkan keyakinan warga PDRM yang belum menyertai koperasi untuk turut serta atau menyokong setiap penambahbaikan dilaksanakan".

Demikian kata Inspektor Jeneral Tan Sri Haji Ismail Haji Omar, Ketua Polis Negara, ketika berucap di Majlis Perasmian Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-76 Koperasi Polis Diraja Malaysia (KPD) Berhad, di Kuala Lumpur International Hotel (KLH).

Menurut Tan Sri Haji Ismail lagi, pengurusan dan AJKKD koperasi perlu dibimbing dan diasuh agar lebih aktif dan mantap dalam menerapkan nilai koperasi sebagai satu sumber pendapatan untuk ahli-ahli".

"Kita mahu jadikan koperasi satu sektor yang disegani dan usaha perlu digerakkan dari sekarang jika kita mahu membantu negara mencapai sasaran pada 2020", ujar Tan Sri Haji Ismail di majlis yang turut dihadiri oleh Dato' Mohd Amir Sulaiman, Pengerusi KPD Berhad.

Pada majlis itu Hamizan Ahmad dan Zaitun Zakaria dianugerahkan sebagai Pekerja Terbaik. Manakala Siman Sappar bapa kepada Allahyarham Konst/P. Mohamad Siman, menerima cek pampasan daripada koperasi.

Konst/P. Mohamad Siman, meninggal dunia ketika menjalani Latihan Asas Konstabel di Pusat Latihan Polis Kuala Lumpur (PULAPOL KL), akibat jangkitan adenovirus.

Dalam pada itu koperasi telah bersetuju meluluskan agihan pembayaran dividen iaitu 1.5% atas modal yuran dan 1.5% atas modal saham kepada semua ahli.

Pembayaran dividen dibuat setelah mendapat kelulusan daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), selaras dengan peruntukan Subseksyen 57 (8) Akta Koperasi 1993.